

02/08/2002

Pemimpin Pas tidak boleh bersikap lepas tangan

DATUK Nik Abdul Aziz Nik Mat kelmarin mendakwa perkataan "samseng" dalam klip video sedutan ucapannya yang disiarkan Radio Televisyen Malaysia (RTM), terkeluar daripada konteks sebenar. Konon maksudnya seolah-olah RTM memutarbelitkan ucapan Menteri Besar Kelantan itu yang dipertahankannya tidak bermaksud demikian. "Samseng" dalam konteks sebenar sebagaimana didakwa Nik Aziz adalah untuk menggambarkan keagungan dan maha berkuasanya Tuhan. Kalau pun benar dakwaan berkenaan, ia menggambarkan betapa miskinnya perbendaharaan kata Menteri Besar Kelantan itu - yang sebelum ini mendakwa Tuhan juga mencarut - hingga perkataan "samseng" menjadi pilihannya untuk menggambarkan sifat Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Baik klip video ucapannya itu atau Mohamad Sabu yang memaki-hamun Perdana Menteri atau penceramah Pas, Bunyamin Yaacob, yang menuduh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton video lucu bersama cucunya, tiada langsung penafian daripada Pas setakat ini. Masakan Pas boleh menafikan semua itu pada ketika ia adalah sedutan daripada ucapan sebenar mereka. Sama ada sedutan ucapan berkenaan terkeluar daripada konteks atau tidak, mereka yang hadir mendengar atau menonton klip video terbabit yang lebih berhak menghakiminya. Pemimpin Pas boleh menyatakan apa saja yang tersirat di sebalik ucapan yang dituturkan tetapi tidak boleh mengharapkin hadirin atau penonton memahami isi hati mereka. Kalau pun orang lain menafsirnya berbeza, ia harus dipersalahkan kepada pemimpin Pas sendiri yang tidak berupaya berucap secara yang mudah difahami tanpa menimbulkan sebarang kekeliruan.

Sebenarnya, klip video sedutan ucapan pemimpin Pas yang disiarkan RTM itu tidak pun mengelirukan. Samseng, haprak atau barua difahami ramai maksudnya yang membayangkan kejelekan. Malah, kita berasa kasihan dengan rakyat Kelantan yang direndahkan keintelektualan mereka sedemikian rupa hingga memerlukan Menteri Besar menggunakan perkataan "samseng" bagi menerbitkan rasa gerun terhadap Pencipta mereka. Apakah rakyat Kelantan yang ramai bersekolah pondok, lulus hingga empat Senawi dan mendiami negeri `serambi Makkah' tidak lagi digetarkan dengan ayat al-Quran yang menghuraikan sifat-sifat Allah bagi meningkatkan ketakwaan terhadap-Nya? Atau majoriti mereka terpengaruh dengan pengajaran agama yang diselewengkan hingga terlalu taksab kepada serban dan jubah pemimpin yang kononnya dari parti Islam?

Mungkin juga kecenderungan Nik Aziz menggunakan perkataan "samseng" sesuai dengan budaya samseng yang semakin menular di kalangan ahli parti yang dipimpninya. Apa pun alasannya, Nik Aziz dan Pas tidak boleh bersikap lepas tangan. Angka merekaalah juga, perpecahan orang Melayu semakin melebar. Tidak terhenti setakat itu, fitnah, pembohongan dan memaki-hamun yang direstui mereka boleh turut memesonkan akidah ramai. Sambil Pas mendakwa sebagai parti Islam, tindak-tanduk pimpinnya tidak mencerminkan kepatuhan kepada ajaran Islam sebenar, sebaliknya memperalatkan Islam untuk kepentingan politik sempit mereka semata-mata. Mereka tidak pun mengendahkan implikasinya asalkan dapat berkuasa walaupun negara ini boleh menjadi kucar-kacir dan orang Islam terus bersengketa.

Iktibar daripada eksploitasi sedemikian rupa seharusnya mendorong pihak berkuasa memantau dengan lebih rapat apa juga majlis pertemuan atau ceramah Pas selepas ini tanpa menunggu sehingga RTM menyiarkan sedutan ucapan pemimpin terbabit untuk siasatan dilakukan. Hasutan, fitnah dan

memaki-hamun, seperti sedutan ucapan Bunyamin, tidak harus didiamkan saja jika itulah yang diperlukan untuk menyedarkan mereka agar lebih bertanggungjawab terhadap setiap butir perkataan yang dituturkan di khalayak ramai. Kelewatan bertindak, terutama oleh polis, boleh disalahertikan sesetengah pihak sebagai bersimpati atau bersubahat dengan `ulama' yang dengan mudah dan tidak segan silu menyatakan maksud ucapan mereka kononnya tidak difahami dalam konteks sebenar.